

BERITA

Sektor kejururawatan diperkuuh; 5,600 jururawat diambil

Ye Kung: Jumlah yang diambil bekerja lebih sasaran; penuhi keperluan warga yang kian menua

Usaha meningkatkan tenaga kerja kejururawatan Singapura membawa hasil, dengan 5,600 jururawat menerima tawaran untuk bekerja dalam sistem penjagaan kesihatan awam pada 2023, termasuk 4,500 telah mendaftar untuk bekerja.

Ditemui semasa melawat Hospital Tan Tock Seng (TTS), pada 10 Februari, hari pertama sambutan Tahun Baru Cina, Menteri Kesihatan Ong Ye Kung berkata jumlah yang diambil melebihi sasaran yang diumumkan sebelumnya.

"Kami sentiasa kekurangan tenaga kerja penjagaan kesihatan. Jadi pada tahun lalu, kami menetapkan sasaran untuk mengambil 4,000 jururawat, dalam sistem penjagaan kesihatan swasta dan awam untuk mengisi semula kekosongan semasa Covid-19 dan mengembangkan tenaga kerja kami," kata En-

cik Ong.

Jumlah jururawat yang berdaftar pada 2023 mengatasi angka pada tahun sebelumnya, apabila 3,400 jururawat baru didaftarkan, kata Kementerian Kesihatan (MOH).

Terdapat 43,772 jururawat dan bidan berdaftar di Singapura pada 2022, termasuk 36,995 jururawat berdaftar.

Kementerian telah mengumumkan pada 2022 keperluan untuk mempergiat pengambilan kerja tempatan dan luar negara, untuk mengantikkan jururawat yang meninggalkan negara atau profesi itu semasa pandemik Covid-19, dan untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat bagi penduduk Singapura yang semakin tua.

Singapura mengalami kadar pengurangan jururawat asing yang lebih tinggi pada 2021

dan 2022, apabila sempadan dibuka semula dan persaingan global untuk profesional penjagaan kesihatan semakin sengit.

MOH juga sebelum ini mengumumkan bahawa menjelang 2030, seramai 82,000 jururawat, profesional kesihatan bersekutu dan kakitangan penjagaan sokongan diperlukan untuk mengendalikan hospital, klinik dan jaga pasut jagaan warga emas.

Semasa lawatannya ke TTS, Encik Ong berkata lebih ramai jururawat asing diberikan status penduduk tetap pada 2023 sebagai mengiktiraf peranan penting yang mereka mainkan dalam memerangi wabak Covid-19 dan menyokong keperluan penjagaan kesihatan Singapura yang semakin meningkat.

Kebanyakan jururawat asing itu adalah dari Filipina, Malaysia dan Myanmar.

Encik Ong berkata MOH akan mengumumkan butiran program insentif jangka panjang untuk jururawat sebelum hari ke-15 Tahun Baru Cina.

Beliau berkata insentif jangka panjang sudah diberikan kepada guru, serta pegawai Home Team dan Angkatan Bersenjata Singa-

dara dalam penjagaan kesihatan awam sememangnya mencabar.

"Bilangan pesakit kian meningkat, keluarga pesakit juga mempunyai permintaan tinggi. Apa pun, saya fikir kita perlu melakukannya secara bersama, menolong satu sama lain dan bekerja sebagai satu pasukan," ujar beliau.

Jururawat staf kanan, Cik Samantha Loke Xin Yu, 29 tahun, sudah berkhidmat di TTS selama lebih enam tahun.

Cik Loke, yang bekerja di jabatan kecemasan, memberitahu *The Straits Times* bahawa ia bukanlah kali pertama beliau bekerja semasa Tahun Baru Cina.

"Apabila anda menjadi pekerja penjagaan kesihatan, anda tahu setiap seorang dalam penjagaan kesihatan membuat pengorbanan," katanya.



Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, mengagihkan cenderahati kepada pesakit dan kakitangan ketika mengunjungi Hospital Tan Tock Seng sempena Tahun Baru Cina pada 10 Februari. – Foto CMG

Raja Charles ucapan terima kasih atas sokongan selepas hidap barah



Istana Buckingham telah mengumumkan pada 5 Februari bahawa Raja Charles telah disahkan menghidap sejenis barah. – Foto REUTERS

LONDON: Raja Charles dari Britain melahirkan terima kasihnya pada 10 Februari kepada mereka yang bersimpati, selepas beliau disahkan menghidap barah.

Ini kenyataan pertamanya sejak Istana Buckingham mengumumkan bahawa Raja Charles akan menunduk beberapa kegiatan demi menjalani rawatan.

"Saya ingin lahirkan ucapan terima kasih mendalam bagi mesyuarat sokongan serta ucapan selamat yang banyak sa-ya terima sejak beberapa hari lalu," kata Raja Charles dalam satu kenyataan.

Pada 5 Februari Istana Buckingham mengumumkan bahawa Raja Charles, 75 tahun, telah disahkan menghidap sejenis barah, kurang 18 bulan selepas dinobat sebagai raja.

"Seperti mereka yang menghidap barah akan tahu, ucapan sedemikian amat memberi keserasian dan semangat," kata Raja Charles.

Raja itu berkata diagnosisnya itu telah membantu memberi perhatian kepada pertumbuhan yang menyokong pesakit barah di Britain dan di mananya juga.

Berita mengenai beliau menghidap barah turbul selepas Raja Charles dimasukkan ke hospital selama tiga malam pada Januari lalu di mana beliau menjalani prosedur pembakaan bagi prostat yang membengkok.

Istana Buckingham belum mem-

bersebar butiran tentang keadaannya melainkan berkata bahawa ia punya barah prostat, namun berkata bahawa Raja Charles "kekal positif secara keseluruhannya" dan terus kemali melakukan tugas awam seawal mungkin.

Isteri Raja Charles, Ratu Camilla, berkata pada 8 Februari bahawa suaminya sedang "dalam keadaan amat baik".

Dengan Raja Charles menjalani rawatan dari isteri Putera Williams, Kate, sedang pulih akibat pembedaan perut, tanggungjawab kini terletak di bahu kerabat lain – terutamanya Putera William dan Ratu Camilla – untuk tampil menjadi wajah monarki tersebut. – Reuters

Pelakon Nina Fevriena naik pelamin lagi dengan bekas suami setelah berpisah 7 tahun

► RUBIAH MOHD
rubimohd@sph.com.sg



Nina Fevriena dan Zack Zuraini bergambar di atas pelamin bersama anak-anak mereka, Haedy Raouf, 19 tahun (paling kiri), dan Helena Rose, 14 tahun, yang disatukan kembali dalam majlis pernikahan pasangan itu pada 2 Februari lalu. – Foto PENSEL KONTOT PRODUCTION

Setelah lebih tujuh tahun hidup bersendirian, pelakon veteran Nina Fevriena naik pelamin lagi, didampingi dengan dua orang anak tersayang.

Gambar beliau yang dimuat naik ke Instagram baru-baru ini menjadi tanya tanya sama ada petikan itu daripada sebuah drama lakonannya atau Nina betul-betul mendirikan rumah tangga buat kali kedua.

Berita Harian (BH) menghubungkan Nina baru-baru ini untuk kepastian – memang sah Nina baru mendirikan rumah tangga lagi – sekaligus dengan bekas suaminya, Zack Zuraini, tujuh tahun setelah mereka berpisah.

Nina atau nama sebenarnya Fevriena Marwan, dan Zack atau nama sebenarnya Zuraini Suhaimi – kedua-dua kini berusia 50 tahun.

Menurut Nina, perpisahan yang berlaku setelah 15 tahun menghangungi bahagia rumah tangga bersama adalah satu ujian berat bagi dirinya.

"Saya pilih menjadi suri rumah tangga sepuh masa selepas berkahwin dulu untuk menjaga keluarga dan membesarakan anak-anak. Te-

tapi, selepas bercerai, hidup saya terumbang-ambing kerana perlu serta-merta berdikari dan mencari mata pencarian sendiri," katanya.

Nina dan Zack memilih hari yang bersejalan untuk hari pernikahan mereka yang kedua ini – iaitu 2 Februari 2024 – genap 22 tahun tarikh pernikahan mereka yang pertama kali pada 2002. Beliau juga memilih untuk bersanding dan menjemput keluarga terdekat untuk menyambut hari istimewanya itu.

"Kali ini saya bersanding lagi tetapi bezanya, anak-anak kami sudah besar panjang, tetapi saya ingin me-

nunaikan janji saya kepada mereka yang berharap kami berdua akan semula," kata ibu kepada seorang anak lelaki, Haedy Raouf, 19 tahun, dan seorang lagi anak perempuan, Helena Rose, 14 tahun.

Diminta pandangannya, Zack berkata:

"Bersyukur kerana diberi peluang kedua. Kalau sudah jodoh tidak ke mana."

Nina Fevriena mula berjinak-jinak dalam bidang seni ketika umurnya 18 tahun.

Beliau bermula sebagai penari bersama Perkumpulan Seni dan kali

terakhir Nina berlakon dalam drama Suria ialah dalam siri *60 sen* pada 2019. Beliau juga pernah terlibat dalam telefilem *Takbir nan Syahdu* (2017) dan *Zakat Zakaria* (2018).

"Kebelakangan ini, saya terus mendapat tawaran berlakon tetapi saya terpaksa menolaknya kerana ingin menumpukan perhatian kepada kerjaya dan keluarga," kata Nina yang kini bekerja sebagai setiausaha peribadi di sebuah syarikat produk barang kemas.

Zack pula bekerja selaku pengurus kuan kejuruteran, tambah Ni-

IBADAHSG PTE. LTD

INDONESIA

| | |
|--|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Iftar/sahur 10 pek \$50 | <input checked="" type="checkbox"/> Santunan eid 1 anak yatim \$50 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Iftar/sahur 100 pek \$500 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf alquran & sejадah 4 set \$100 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Sembako ihsan ramadhan \$100 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf rumah alquran 1 lot \$150 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Kurma sukkaři 10kg \$60 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf perigi jetpump 1 lot \$1399 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Infaq/fidyah beras 25kg \$60 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf mushollah 1 buah \$13,999 |

CAMBODIA

| | |
|--|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Iftar/sahur 10 pek \$55 | <input checked="" type="checkbox"/> Santunan eid 1 anak yatim \$55 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Iftar/sahur 100 pek \$550 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf alquran & sejадah 4 set \$105 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Sembako ihsan ramadhan \$105 | <input checked="" type="checkbox"/> Bantuan sekolah anak yatim \$150 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Kurma sukkaři 10kg \$65 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf perigi 1 lot \$359 |
| <input checked="" type="checkbox"/> Infaq/fidyah beras 25kg \$60 | <input checked="" type="checkbox"/> Waqaf mushollah 1 lot \$150 |

Ihsan Ramadhan

2024 M/1445H

Berpengalaman lebih dari 18 tahun, perwakilan dipercayai dan profesional

Dari Anas R.A. sabah bertanya, "wahai Rasulullah SAW, sedekah apa yang paling utama?" Rasulullah SAW menjawab, "sedekah di bulan Ramadhan." [Hadits Riwayat at-Tirmidzi]

Ustadz Syamil Ustadzah Mariah Hajji Noh

WhatsApp
91266444

8322 0460 8339 3012 8399 7390

Rafah terus dibedil, Netanyahu janji 'laluan selamat' kepada rakyat Palestin

GAZA: Ancaman pencerobohan Israel ke Rafah, bandar paling selatan di Gaza, berterusan pada 11 Februari, dengan Perdana Menteri Israel, Encik Benjamin Netanyahu, menjanjikan "laluan selamat" kepada orang awam yang berpindah untuk mencari perlindungan di bandar itu.

Dalam satu wawancara, Encik Netanyahu menyatakan sekali lagi hasratnya untuk melanjutkan operasi ketenteraan Israel ke bandar Rafah.

Walaupun pihak antarabangsa meluahkan kebimbangan terhadap potensi berlakunya pembunuhan beramai-ramai di bandar yang sempit itu, yang didiami lebih separuh daripada 2.4 juta penduduk Palestin di Jalur Gaza, Encik Netanyahu memberitahu *ABC News*: "Kami akan melakukannya."

Beliau akur "dengan Amerika" bawa operasi itu perlu terlebih dahulu dirancang dari segi kesannya ke atas orang awam.

"Kami akan melakukannya dan menyediakan laluan selamat untuk penduduk awam supaya mereka boleh berpindah," katanya, menurut petikan wawancara itu.

Bagaimanapun, tidak jelas ke mana bilangan besar penduduk Palestin yang melarikan diri untuk berlindung di khemah sementara di Rafah, yang bersempadan dengan Mesir, boleh berpindah.

Pengumuman Israel berhubung hasratnya melakukan operasi ketenteraan di Rafah, dikatakan bertujuan memusnahkan batalion Hamas di bandar dekat selatan Jalur Gaza, mengundang kecaman pemimpin du-

nia. Kebanyakan pemimpin dunia menyifatkan cadangan operasi ketenteraan Israel itu akan mengundang bencana kemanusiaan di bandar yang menjadi lokasi terakhir pelarian Palestin berlindung, selain ia dikatakan bakal membahayakan kemarahan Mesir.

Hamas menerusi kenyataan berkata, sebarang tindakan ketenteraan akan menimbulkan bencana yang 'boleh menyebabkan puluhan ribu terbunuhan dan cedera jika Rafah diserang'.

Sementara itu, Pejabat Presiden Palestin, Encik Mahmud Abbas, berkata tindakan penjajahan Israel mengancam keselamatan dan keamanan di rantau itu dan dunia.

"Ini adalah pelanggaran ke atas semua had secara terang-terangan," katanya. – Agensi berita.